

**Setialah Pada Umno Walaupun Tidak Tersenarai Sebagai Calon Boleh Menang**  
**Bernama**  
**02 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Anggota Umno yang tidak disenarai sebagai calon boleh menang pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) hendaklah terus setia dan berdiri teguh menyokong keputusan parti, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Siapa akan jadi calon atau wakil rakyat tidak timbul.

"Sesiapa yang didapati memenuhi syarat calon boleh menang, itulah yang akan menjadi tunggak perjuangan Barisan Nasional (BN) pada PRU13," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama perwakilan Umno Jelebu, di sini hari ini.

Katanya apa yang penting anggota Umno merapatkan jurang dan menghayati petua Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang menggariskan ciri dan sifat orang Umno.

Najib dalam ucapan dasarnya pada perasmian Perhimpunan Agung Umno 2011 semalam menggariskan tiga ciri penting sebagai orang Umno iaitu taat dan setia, cinta dan kasih kepada parti serta berkhidmat tanpa jemu dan berkorban.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631397>